



Fail: (37) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 30 Januari 2012

Ketua Pengarang,

Sinar Harian

Akhbar : **Sinar Harian**
Tarikh : **4 Januari 2012**
Subjek : **MPSJ Perlu Tambah Kaunter**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa sikap tidak acuh pemilik perniagaan di dalam menguruskan pembaharuan lesen perniagaan mereka lebih awal merupakan fenomena yang acapkali dilihat pada penghujung tahun meskipun hebahan mengenai perkara tersebut telah mula giat dilakukan pihak Majlis sejak bulan November 2011. Pelbagai medium hebahan telah digunakan bagi tujuan makluman perkara tersebut yang dibuat melalui media elektronik dan cetak, paparan "banner" dan juga laman web MPSJ.

Kesan daripada sikap negatif para pelanggan yang menanti saat akhir untuk memperbaharui lesen mereka jelas dapat dilihat daripada komen ADUN Subang Jaya, YB Puan Hannah Yeoh yang mendapat nombor giliran menunggu yang lama. Adalah dimaklumkan bahwa jumlah bilangan pelanggan sewaktu kunjungan beliau ke kaunter Majlis pada 28 Disember 2011 yang lalu mencecah 990 pelanggan. Untuk makluman juga, sepanjang 27 Disember 2011-31 Disember 2011, pihak Majlis menerima sebanyak 4212 pelanggan yang membuat urusan di kaunter Majlis di mana secara puratanya pihak Majlis menerima 842 pelanggan sehari. Daripada jumlah pelanggan yang hadir 90% transaksi yang dilakukan adalah melibatkan urusan pembaharuan lesen perniagaan.

Bagi menangani kesesakan yang berlaku, pihak Majlis telah mengambil tindakan proaktif dengan membuka kaunter tambahan pembaharuan lesen perniagaan di mana kaunter tersebut hanya menguruskan urusan permohonan pembaharuan lesen perniagaan bagi tahun 2012 bagi mempercepatkan lagi urusan pelanggan.

Selain itu juga, pihak Majlis telah mempelbagaikan saluran pembaharuan lesen perniagaan bagi memberi kemudahan kepada pemilik premis perniagaan. Di antaranya seperti:

a) PEMBAHARUAN LESEN BERMULA NOVEMBER 2011

- Kaunter dibuka enam kali seminggu termasuk hari Sabtu

b) PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DI KAUNTER CAWANGAN

- Kaunter cawangan Bandar Puteri, Puchong
- Kaunter cawangan Serdang Jaya, Seri Kembangan

c) MELALUI INTERNET

- Pembaharuan lesen boleh dibuat dengan mendaftar sebagai ahli MY@MPSJ bagi lesen perniagaan yang tidak berisiko
- Permohonan lesen tersebut akan diproses di dalam tempoh 14 hari dan lesen akan dihantar secara pos ataupun hadir sendiri ke Ibupejabat MPSJ untuk mengambil lesen tersebut

d) KAUNTER BERGERAK

- Pelaksanaan kaunter bergerak bagi pembaharuan lesen telah diadakan selama 10 hari bermula 13 Disember 2011 sehingga 23 Disember 2011 di mana lokasi kaunter bergerak merangkumi pasar Awam dan Pasar pagi/Malam
- Berikut adalah senarai lokasi kaunter bergerak yang telah dilaksanakan pada bulan Disember 2011 yang lalu:-

KAUNTER BERGERAK PEMBAHARUAN LESEN PASAR PAGI

BIL	TARIKH	LOKASI
1.	16 Dis 2011 (Jumaat)	Pasar pagi Wawasan
2.	18 Disember 2011 (Ahad)	Pasar pagi TK 1
3.	22 Disember 2011 (Khamis)	Pasar pagi TK 3
4.	23 Disember 2011 (Jumaat)	Pasar pagi Puchong Indah
5.	24 Disember 2011 (Sabtu)	Pasar pagi Puchong Jaya
6.	20 Disember 2011 (Selasa)	Pasar Seri Kembangan
7.	21 Disember 2011 (Rabu)	Pasar Seri Kembangan

KAUNTER BERGERAK PEMBAHARUAN LESEN PASAR MALAM

BIL	TARIKH	LOKASI
1.	13 Dis 2011 (Selasa)	Pasar Malam Puchong Utama
2.	15 Disember 2011 (Khamis)	Pasar malam USJ 1, Regalia
3.	16 Disember 2011 (Jumaat)	Taman Sri Serdang
4.	19 Disember 2011 (Isnini)	Puchong Indah
5.		Taman Sri Serdang
6.	20 Disember 2011 (Selasa)	SS 13, Subang Jaya
7.	21 Disember 2011 (Rabu)	Saujana Puchong
8.	23 Disember 2011 (Jumaat)	Bukit Kuchai

Pihak Majlis menasihatkan orang ramai untuk menggunakan pelbagai saluran yang disediakan selain daripada berurusan di kaunter bagi mengelakkan kesesakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my